



## Metodologi *Ta'lil Ahkam* daripada Ibnu Qudamah: Analisis Kitab *Al-Mughni*

*The Methodology of Ta'lil Ahkam by Ibnu Qudamah: Analysis on Al-Mughni*

Rosli Mokhtar  
Jabatan Syariah  
Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
rosli@kuis.edu.my

MOHAMAD SABRI HARON  
Pusat Citra Universiti  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
Bangi Selangor  
sabrie@ukm.edu.my

DALILA HADIFAH TALIB  
drdhdfh@gmail.com

## Metodologi *Ta'lil* *Ahkam*

118

Submitted: 19 July 2018  
Revised: 12 October 2018  
Accepted: 26 October 2018  
E-Published: 30 October 2018

### ABSTRAK

Pengarang kitab ini merupakan salah seorang ulama bermazhab Hanbali pada kurun ketujuh hijrah. Walaupun bermazhab Hanbali, Ibnu Qudamah tidak terlalu terikat dengan mazhabnya, bahkan beliau melakukan ijtihad secara bebas dengan bersandarkan kepada hujah-hujah yang bersifat *maqasidi*. Kajian dalam bidang Maqasid Syariah melalui hasil penulisan fiqah memberikan maklumat tentang praktis ulama terhadap asas yang dibincangkan dalam teori-teori usul fiqah mereka. Disebabkan *Ta'lil Ahkam* adalah satu unsur penting yang perlu diberi perhatian dalam setiap ijtihad, maka kajian ini bertujuan untuk mendedahkan metode Ibnu Qudamah dalam melakukan *Ta'lil Ahkam*. Kajian ini menggunakan metode deskriptif di mana metode analisis data digunakan terhadap *Ta'lil Ahkam* yang terdapat di dalam Kitab *al-Mughni* karangan Ibnu Qudamah. Aspek *Ta'lil Ahkam* yang ada di dalam kitab ini menjadi subjek analisis. Kajian ini mendapati bahawa Ibnu Qudamah sentiasa cuba menyatakan *ta'lil* yang seiring dengan hukum yang telah dinyatakan oleh nas. Di samping itu, beliau menerima, menyokong, menambah, mengkritik, bahkan menolak banyak *ta'lil* yang dinyatakan oleh ulama melalui ijtihad. Beliau sering mendatangkan *Ta'lil Ahkam* melalui ijtihad beliau sendiri. Kajian ini memperlihatkan peranan penting *Ta'lil Ahkam* dalam ijtihad khususnya dalam perkara yang melibatkan isu-isu semasa.

**Kata kunci:** *Ta'lil Ahkam*, *Maqasid Syariah*, Ibnu Qudamah, Kitab *al-Mughni*





## ABSTRACT

The author of this book is one of the scholars in Hambali school of law in the seventh century. Despite of Hambali's predecessors, Ibn Qudamah was not really attached to Hambali's thought, but rather made *ijtihad* independently based on the principle of *maqasid* arguments. The study in the field of *Maqasid Syariah* through the writing of *fiqh* provides information on the practice of the *ulama'* towards the fundamental theories of their *fiqh* principles. As *Ta'lil Ahkam* is an important element to be considered in each *ijtihad*, this study is aimed at exposing Ibn Qudamah's method in performing *Ta'lil Ahkam*. This study employs a descriptive method where data analysis is applied in analyzing *Ahkam Ta'lil* which is found in the *al-Mughni* book of Ibn Qudamah. Obviously, *Ta'lil Ahkam* in this book is the main subject of analysis. This study found that Ibn Qudamah always tried to deduce *ta'lil* in accordance with the rules that were stated in the texts. In addition, he accepted, supported, added, criticized and even rejected former *ta'lil* that had been developed by the *mujtahid* through *ijtihad*. He often brings *Ta'lil Ahkam* through his own *ijtihad*. This study indicates the important roles of *Ta'lil Ahkam* in *ijtihad* especially in matters involving current issues.

**Keyword:** *Ta'lil Ahkam, Maqasid Syariah, Ibnu Qudamah, Kitab al-Mughni*

## PENGENALAN

### IBNU QUDAMAH DAN KITABNYA AL-MUGHNI

Ibnu Qudamah ialah Syeikh al-Islam Muafiquddin Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Qudamah bin Miqdam bin Nasr bin Abdullah bin Huzaifah bin Muhammad bin Ya'kub bin al-Qasim bin Ibrahim bin Ismail bin Yahya bin Muhammad bin Salim bin Abdullah bin Umar bin al-Khatab r.a (al-Zahabi, 1996).

Sumber-sumber kajian sepakat menyatakan bahawa Ibnu Qudamah telah dilahirkan di Jamail, iaitu di daerah Nablus Palestin pada bulan Sya'ban tahun 541 hijrah. (Ibn Kathir, 1990, Ibn Abi Ya'la, 1932) Kehidupan Ibnu Qudamah penuh dengan jihad ilmu dan perjuangan yang berterusan. Beliau telah berhijrah meninggalkan bandar al-Quds kerana lari daripada kezaliman tentera solibiah bersama keluarganya.

Peristiwa hijrah beliau tersebut adalah ketika umurnya sepuluh tahun. Seawal usia ini, Ibnu Qudamah telah menghafal al-Quran, 1 kitab Mukhtasar al-Kharaqi dan menuntut ilmu daripada ayahnya. (Umar Ridha, 1985) Selain itu, beliau juga menuntut ilmu daripada Abu Makarim bin Hilal dan Abu al-Maali bin Sabir serta ramai lagi guru yang lain.

Pencarian ilmu ini berlaku ketika beliau berada di bandar Damsyik. Pada tahun 561 Hijrah, beliau telah berpindah ke Baghdad bersama sepupunya, al-Hafiz Abdul Ghani untuk belajar di sana. Ibnu Qudamah menghabiskan masa selama empat tahun di Baghdad kerana menuntut ilmu daripada ulama di sana.



Setelah selesai menuntut ilmu di Baghdad, beliau telah bertolak ke tanah suci Mekah untuk mengerjakan haji pada tahun 574 hijrah. Mengambil kesempatan berkunjung ke Mekah, beliau sempat menuntut ilmu daripada ulama di sana. Setelah mengerjakan haji dan menuntut ilmu daripada ulama Mekah dan Madinah, beliau kembali ke Baghdad dan menuntut ilmu pula daripada seorang ulama terkenal bernama Ibnu al-Munna. Beliau berada di Baghdad selama setahun selepas mengerjakan haji dan kemudiannya mengambil keputusan untuk kembali ke Damsyik. Ketika di Damsyik, beliau telah menghasilkan tulisan beliau yang terkenal, iaitu Kitab *al-Mughni*. Kitab ini telah menjadi rujukan utama dalam Mazhab Hanbali.

Kitab *al-Mughni* karangan Imam Ibnu Qudamah merupakan syarah kepada Kitab *Mukhtasar al-Kharaqi* yang sangat terkenal dalam kalangan ilmuan Islam. Kitab *Mukhtasar al-Kharaqi* ini dinukilkan oleh Imam Umar bin Husain al-Kharaqi. Beliau adalah anak kepada ulama terkenal, iaitu Abu Bakar al-Maruzi.

Beliau merupakan kelahiran Baghdad tetapi telah berhijrah dan menetap di Damsyik apabila tersebar ajaran Syiah di situ. Walaupun al-Kharaqi telah menghasilkan karangan yang banyak, tetapi karangan itu kebanyakannya telah hilang dan musnah apabila beliau berpindah ke Damsyik dan terpaksa meninggalkan karangan-karangan itu di Baghdad.

Kitab *Mukhtasar al-Kharaqi* adalah kitab fikah yang telah ditulis berdasarkan kepada mazhab Imam Ahmad bin Hanbal. Tindakan al-Kharaqi dalam menghasilkan kitab sebegini amat munasabah memandangkan beliau sendiri pernah berguru dengan dua orang anak Imam Ahmad bin Hanbal. Setelah berada di Damsyik dan menyampaikan ilmu di situ, Imam al-Kharaqi telah meninggal dunia di sana pada tahun 334 hijrah. Jenazah beliau dikebumikan di perkuburan al-Bab al-Saghir yang menjadi tempat persemadian jasad-jasad syuhada (Ibnu al-Athir, 1987).

Ibnu Qudamah telah memilih sebuah kitab yang telah diiktiraf oleh ulama di zamannya sebagai titik tolak kepada kupasan dan pandangannya. Biarpun Kitab *al-Mughni* merupakan syarah kepada Kitab *al-Kharaqi*, namun hal ini demikian tidak bermakna Ibnu Qudamah tidak mempunyai pendirian dan ijtihad tersendiri dalam permasalahan yang dikupas oleh beliau. Ibnu Qudamah bukan sahaja menyatakan perbincangan di sekitar pandangan ulama mazhab Hanbali sahaja, bahkan lebih jauh daripada itu.

Ibnu Qudamah sebenarnya mahu menjadikan kitabnya sebagai sumber rujukan kepada mazhab Islam seluruhnya. Dengan itu, beliau merekodkan pandangan para sahabat, tabi'in dan ulama di sepanjang zaman sama ada daripada mazhab Hanbali atau pandangan daripada mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan pandangan ulama lain secara tidak terkecuali.

Ibnu Qudamah menjadikan *matan al-Kharaqi* sebagai panduan dalam penyusunan bab dan perbahasan mengikut sub-topik yang telah diletakkan oleh pengarang. Oleh hal yang demikian, Ibnu Qudamah berpindah daripada satu perbahasan kepada perbahasan yang lain mengikut adat ulama dan penulis pada zamannya.



Setiap kali beliau mendatangkan pandangan ulama yang pelbagai dalam sesuatu masalah, Ibnu Qudamah akan menyatakan hujah-hujah yang digunakan oleh ulama tersebut. Oleh itu, antara ciri istimewa terpenting yang terdapat di dalam Kitab *al-Mughni* ialah pandangan-pandangan ulama daripada pelbagai mazhab beserta hujah-hujah mereka.

Tidak hairanlah apabila Kitab *al-Mughni* menjadi syarah kepada *Mukhtasar Matan al-Kharaqi* yang paling tersohor biarpun terdapat lebih tiga ratus kitab syarah lain yang telah dihasilkan oleh para cendekiawan Islam. Keadaan ini sekali gus merupakan pengiktirafan para ilmuan Islam tentang kewibawaan Kitab *al-Mughni* karangan Imam Ibnu Qudamah ini. Kitab ini akhirnya menjadi ensiklopedia besar yang berkapasiti sembilan jilid yang sekali gus menjadikan Kitab *al-Mughni* antara hasil karya agung dalam arena akademik umat Islam sepanjang zaman.

Keistimewaan Kitab *al-Mughni* juga antaranya memudahkan pengkaji untuk merujuk kepada ayat al-Quran dan hadis yang berkaitan dalam perbincangan masalah. Hal ini kerana Ibnu Qudamah telah menyatakan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis dalam setiap masalah yang dibincangkannya. Perkara yang sama juga dapat diketahui berkenaan isu-isu yang merupakan ijmak atau sebaliknya. Hal ini demikian kerana Ibnu Qudamah mengklasifikasikan sesuatu hukum sama ada ijmak ataupun sebaliknya.

Dengan keistimewaan yang dimiliki itulah yang menyebabkan Imam al-Izz bin Abdul Salam pernah menyatakan bahawa:

*Aku tidak yakin untuk memberikan fatwa sehinggalah aku memiliki satu naskhah kitab tersebut.*

Kata Imam al-Izz bin Abdu al-Salam lagi: *Aku tidak pernah melihat kitab-kitab berkaitan Islam dari sudut ilmunya seperti mana aku melihat Kitab al-Muhalla, al-Mujalla dan Kitab al-Mughni karangan Ibnu Qudamah al-Maqdisi.*

(Ibn Rajb, 2005)

## **METODE IBNU QUDAMAH DALAM TA'LIL AHKAM DALAM KITAB AL-MUGHNI**

*Ta'lil Ahkam* yang dinyatakan dengan banyaknya oleh Ibnu Qudamah di dalam Kitab *al-Mughni* bukanlah sekadar andaian yang dibuat-buat. *Ta'lil* yang dinyatakan juga bukan hanya *taqlid* dari analisis dan garapan orang lain. Sebaliknya Ibnu Qudamah mempunyai metode yang kuat dalam berhubung dengan *Ta'lil Ahkam*. Beliau berhubung dengan *Ta'lil Ahkam* melalui metode berikut:

### **Membuat Kesimpulan Hukum Berdasarkan Al-Quran, Hadis atau Ijmak Kemudian Menerangkan 'Illah Hukum tersebut**

Ibnu Qudamah seboleh-bolehnya menggunakan nas dalam mengistinbat hukum. Oleh itu, beliau akan mencari terlebih dahulu hujah-hujah daripada al-Quran dan hadis,



ketika kewujudan nas ini Ibnu Qudamah akan menjadikan *ta'lil* sebagai sokongan terhadap ayat-ayat al-Quran ataupun hadis yang telah dibawakan terlebih dahulu. Tindakan beliau tersebut memberikan gambaran bahawa Ibnu Qudamah sangat menitikberatkan persoalan *ta'lil* hukum kerana walaupun beliau telah mampu mensabitkan hukum dengan nas, namun beliau tetap membawakan juga *ta'lil* bagi hukum tersebut bagi menegaskan dan menguatkan lagi pendirian beliau.

Ketika menyatakan hukum ijarah, setelah menjelaskan bahawa ianya terdapat di dalam al-Quran, Sunnah dan ijmak beliau kemudiannya mengatakan:

*Sesungguhnya keperluan terhadap manfaat serupa dengan keperluan terhadap barang, tidak dapat dinafikan bahawa manusia sangat perlu kepada ijarah, tidak semua orang mampu memiliki rumah untuk didiami serta tidak semua orang mampu bermusafir di atas kenderaan yang dimilikinya, pemilik rumah dan kenderaan tidak boleh dipaksa untuk menempatkan orang lain atau membawa mereka dengan kenderaan secara percuma. Begitu juga yang berlaku kepada para pekerja, mereka bekerja dengan upah kerana tidak mungkin setiap orang mampu memiliki kemahiran itu dan tidak mungkin pula meminta kerja dilakukan secara sukarela, oleh itu keadaan ini memerlukan ijarah bahkan keadaan ini menjadi salah satu cara mendapatkan rezeki.*

(Al-Mughni, 1997)

### **Membuatkan Kesimpulan Hukum Berdasarkan Al-Quran dan Sunnah Kemudian Membawa Illah daripada Ulama**

Ibnu Qudamah juga menguatkan hujah yang diambil daripada ulama lain yang dipersetujui oleh beliau dan kemudiannya menyatakan *ta'lil* seperti yang telah diketengahkan bagi menyokong pandangan Ibnu Munzir tentang adanya ijmak dalam persoalan jual beli secara *salam* (*bai' al-salam*). Kata Ibnu Qudamah:

*Ini kerana manusia memerlukan kepada perkara ini. Ini kerana pengusaha tanaman dan kebun buah-buahan begitu juga para peniaga memerlukan perbelanjaan terhadap aktiviti mereka dan saraan diri demi mereka melakukan kerja dan menyempurnakan tugas berkemungkinan masalah perbelanjaan itu boleh menghalang mereka dari menyempurnakan tugas lalu diharuskan untuk mereka *bai' al-salam*.*

(Al-Mughni, 1997)

### **Menerangkan Pandangan Ulama Kemudiannya Membuat Kesimpulan dan Menerangkan Pendirian Beliau yang Bertentangan**

Ibnu Qudamah juga tidak teragak-agak untuk menolak pandangan ulama yang dibentangkan terlebih dahulu kemudian beliau menolaknya dengan membawa hujah melalui *ta'lil* hukum yang dilihatnya lebih relevan untuk mencapai tujuan masalah yang diingini oleh syariah.



Ketika membincangkan penggunaan *hilah* dalam menggugurkan hak *syuf'ah*, Ibnu Qudamah telah menolak pandangan Imam Hanafi dan Imam Syafi'i yang membolehkan penggunaan *hilah* bagi menggugurkan *syuf'ah*. Beliau berkomentar:

*Ini kerana syuf'ah disyariatkan demi mengelakkan kemudaratannya, jika sekiranya boleh digugurkan dengan menggunakan hilah sudah tentu ianya akan membawa kemudaratannya.*

(Al-Mughni, 1997)

### **Membawa 'Illah selepas Menyatakan Hukum Bersandarkan kepada Hadis**

Ketika membincangkan persoalan hukum solat sunat, Ibnu Qudamah menyatakan bahawa adalah afdal solat sunat di rumah dengan membawa *ta'lil* ianya lebih dekat kepada keikhlasan dan dapat menjauhkan diri daripada bersifat riak. Selain itu beliau berpandangan bahawa amalan solat sunat adalah amalan *sirr* atau tersembunyi dan boleh jua dilakukan secara *jahr* atau terangan namun tersembunyi adalah lebih afdal. *Ta'lil* beliau ini dijelaskan apabila Ibnu Qudamah mendatangkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

إذا قضى أحدكم الصلاة في المسجد فليجعل لبيته من صلاته فإن الله جاعل في بيته من  
صلاته خيرا

Maksudnya:

*Apabila seseorang daripada kamu mendirikan solat di masjid maka hendaklah dia mendirikan sebahagian lagi di rumahnya, sesungguhnya Allah menjadikan kebaikan daripada solat yang didirikan di rumah.*

(Sahih Muslim, Kitab: Solat al-Musafirin, Bab: Istihbab Solat al-Nafilah fi Baitihi, No.778)

Dalam perbincangan ini, ternyata Imam Ibnu Qudamah menjadikan *ta'lil* sebagai sokongan kepada hadis yang telah menyuruh melakukan solat sunat di rumah. *Ta'lil* dalam keadaan ini merupakan *tabi'i* atau ikutan kepada nas dan bukannya menjadi pengubah kepada hukum sebagaimana yang digunakan oleh ramai ulama dalam perkara yang melibatkan ibadat. Metode yang sama telah digunakan oleh Ibnu Qudamah ketika mengupas persoalan kewajipan bekerjasama dalam melawan pihak yang merampas harta manusia secara paksa seperti perompak. Setelah mendatangkan nas yang mewajibkan manusia bekerjasama menolak kemudaratannya, Ibnu Qudamah menguatkan lagi dengan mendatangkan *ta'lil* yang menyokong dengan kata-kata beliau:

*Tanpa bekerjasama sudah tentu harta dan nyawa orang ramai akan musnah. Ini kerana perompak yang berdepan dengan individu dan tidak dihalang oleh sekumpulan manusia akan bertindak terhadap individu lain seorang demi seorang sehingga memudaratkan semua orang.*

(Al-Mughni, 1997)

### **Membawa Ta'lil Ulama Kemudian Menolak Ta'lil-Ta'lil Tersebut**

Ibnu Qudamah juga menaqqalkan di dalam tulisan beliau *ta'lil-talil* daripada ulama lain, namun demikian tidak semua *ta'lil-ta'lil* itu diterima oleh beliau secara mudah bahkan beliau seringkali menolak *ta'lil* ulama itu dengan menyatakan *ta'lil* daripada beliau sendiri. Keadaan ini menerangkan keadaan Ibnu Qudamah yang mempunyai keberanian untuk berjihad walaupun pandangan beliau itu bertentangan dengan pandangan ulama lain.

Ibnu Qudamah mendatangkan pandangan Abu Thaur dalam masalah *talak al-Muli* (orang yang bersumpah untuk tidak mahu bersetubuh dengan isterinya). Abu Thaur berpandangan *talak muli* adalah *talak bain* dengan 'illah talak itu bertujuan menghilangkan kemudaratan terhadap perempuan kerana kehilangan hak untuk disetubuhi maka beliau mengqiaskan keadaan itu kepada talak yang dijatuhkan apabila suami mengalami kecacatan pada kemaluan. Ibnu Qudamah telah menolak pandangan Abu Thaur dengan kata beliau:

*Kemudaratan wanita itu tidak terjadi kerana apabila suaminya merujuk kepadanya maka dia boleh disetubuhi dan keadaan ini berlainan dengan keadaan suami yang mengalami anin kerana keadaan itu tidak mungkin lagi dapat dikembalikan kepada situasi normal. Oleh itu suami yang anin tidak dapat melakukan persetubuhan selamanya dan merujuk kepada lelaki seperti ini adalah sia-sia. Sedangkan muli bukannya lemah dalam bersetubuh dan tindakan mereka merujuk kepada isteri itu menunjukkan kepada keinginan mereka untuk bersama dan meninggalkan tindakan memudaratkan pihak isteri.*

(Al-Mughni, 1997)

### **Membawa Pandangan Ulama yang Berbeza dan Kemudian Menyokongnya dengan Nas Al-Quran atau Hadis serta Mengukuhkannya dengan Ta'lil**

Ketika membincangkan persoalan air yang terjatuh di dalamnya najis, Ibnu Qudamah telah membawa beberapa pandangan ulama yang berbeza. Pandangan pertama ialah air akan menjadi najis walaupun jumlahnya melebihi dua kolah. Pandangan kedua pula air tersebut tidak najis jika ia melebihi dua kolah. Pandangan ketiga mengatakan bahawa air tidak menjadi najis walaupun jumlahnya sedikit.

Dalam persoalan ini Ibnu Qudamah menyokong pandangan pertama berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud berbunyi:

إن كان مائعا فلا تقربوه

Maksudnya:

*Jika sekiranya cecair maka jangan didekatkannya (najis).*

(Sunan Abu Daud, Kitab al-At'imah, Bab: al-Fa'rah Taqau fi Samn, No.3845)

Setelah membawa hadis tersebut Ibnu Qudamah telah menguatkan pilihan beliau itu dengan membawa *ta'lil* kepada hukum tersebut iaitu:



Air tidak mempunyai kekuatan untuk menghalang sifat najis itu terjadi padanya.

(Al-Mughni, 1997)

### **Menggunakan Prinsip Raf'ul Haraj, Masyaqah dan Darar**

Penggunaan prinsip *raf'ul haraj*, *masyaqah* dan *darar* oleh Ibnu Qudamah menjadi fenomena yang jelas kelihatan dalam kupasan beliau di sepanjang Kitab Al-Mughni. Antara contoh yang dapat diutarakan ialah perbincangan beliau dalam isu hukum membayar hutang yang bertentangan dengan kafarah. Ibnu Qudamah menolak pandangan yang mengatakan bahawa membayar hutang adalah didahulukan berbanding membayar kafarah. Pandangan itu berdasarkan hujah mereka bahawa hutang adalah hak anak Adam yang perlu didahulukan berbanding hak Allah SWT. Sedangkan Ibnu Qudamah berpendapat bahawa hutang yang diambil dari anak Adam tidak terikat dengan waktu maka ia berbeza dengan kafarah menyembelih di dalam haji kerana ia terikat dengan masa begitu juga dengan kafarah terhadap perbuatan *zihar* kerana penangguhan membayar kafarah *zihar* akan membawa mudarat kepada mereka yang telah bersalah dalam melakukannya.

Jelas sekali Ibnu Qudamah melihat isu ini dari konteks hutang individu yang tidak terikat dengan masa tertentu. Dalam isu ini Ibnu Qudamah melihat mudarat sebagai *'illah* yang patut dijadikan asas kepada hukuman. Dalam membincangkan isu *syuf'ah* pula Ibnu Qudamah mendatangkan hadis riwayat Abu Daud:

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya:

*Tidak boleh memudaratkan dan tidak boleh dimudaratkan.*

(Sunan Abu Daud, Kitab al-Ahkam, Bab: Man Bana fi Haqihi, No.2340)

Sehubungan dengan itu Ibnu Qudamah berpandangan bahawa pemilik yang telah membina di atas tanah yang dimilikinya dan kemudian menjualnya secara *syuf'ah* maka dia tidak dipaksa untuk meruntuhkan binaan yang dibinanya kerana seseorang itu tidak boleh dimudaratkan oleh orang lain.

### **Menggunakan 'Urf**

Ibnu Qudamah telah menggunakan *'urf* dalam menyokong pandangan beliau dan membina *ta'lil* berdasarkan *'urf* yang menjadi sumber hukum ini. Ibnu Qudamah berpandangan bahawa harus mengupah seseorang untuk melakukan solekan dalam bentuk selak pandangan ini beliau sandarkan kepada adat yang telah diamalkan oleh masyarakat. Kata beliau:

ولنا أن العادة جارية

Maksudnya:

Pada pandangan kami adat telah menerima perkara ini.





Sumber ini juga digunakan oleh beliau ketika menyatakan pandangan tentang harus mengupah doktor untuk berubat. Ibnu Qudamah berkomentar:

*Harus bagi seseorang untuk mengupah doktor untuk berubat tetapi tidak boleh mensyaratkan ubat tertentu kepada doktor itu. Keharusan ini bersamaan dengan keharusan memberi upah kepada tukang celak dan ianya bertentangan dengan hukum asal kerana adanya keperluan dan penerimaan adat terhadap perkara ini.*

(Al-Mughni, 1997)

Namun demikian Ibnu Qudamah berpandangan bahawa doktor tidak boleh memaksa seseorang untuk dicabut giginya kerana ia adalah membuang anggota badan yang dibolehkan disebabkan berlakunya mudarat. Oleh itu setiap individu itu berhak membuat keputusan sekiranya mereka berkeahlian untuk membuat keputusan. Ibnu Qudamah dalam persoalan ini telah menggabungkan kaedah masalah menolak kemudaratan dengan persamaan terhadap 'urf yang digunakan oleh masyarakat.

### **Menggunakan *Iffirad***

Ibnu Qudamah menggunakan *iffirad* atau andaian dalam memberikan *ta'lil* dalam membincangkan hukum membasuh daripada jilatan anjing. Ibnu Qudamah berkomentar:

*Harus untuk menggunakan bahan selain tanah ketika tidak ada tanah atau sekiranya penggunaan tanah boleh membawa kepada rosaknya barang yang mahu disamak.*

Beliau menambah: *Kerana penggunaan tanah jika sekiranya suruhannya bersifat taabud maka wajib untuk menggunakannya tanpa diganti dengan bahan lain dan jika sekiranya suruhan menggunakan tanah disebabkan sifat tanah yang menghilangkan najis yang melekat maka ianya tidak dapat dilakukan oleh bahan lain selain tanah.*

(Al-Mughni, 1997)

### **Menggunakan *Maalaat Al-Afal***

Ibnu Qudamah menggunakan *maalaat al-afal* sebagai satu indikator dalam melakukan *ta'lil* sama ada dalam perkara yang melibatkan ibadat atau muamalat. Metode ini jelas kelihatan dalam perbincangan beliau berkaitan hukum memakai ihram bagi orang yang perlu keluar masuk ke dalam tanah haram. Ibnu Qudamah berkomentar:

*Jika sekiranya diwajibkan ihram kepada orang yang keluar masuk tanah haram maka akan membawa kepada kebanyakan masanya adalah dalam keadaan berihram maka tuntutan itu menjadi gugur disebabkan kesusahan yang timbul dari perkara itu.*

(Al-Mughni, 1997)



Selain daripada penggunaan dalam bidang ibadat, Ibnu Qudamah sebagaimana ulama lain menggunakan dengan meluas *ta'lil* dengan *maalaat al-afal* dalam bidang yang berbentuk muamalat. Ibnu Qudamah membina pandangan beliau berkaitan ijab dan qabul dalam jual beli dengan menggunakan kaedah ini. Beliau berkomentar:

*Sesungguhnya Allah SWT telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba, namun demikian Tuhan tidak menerangkan perincian pelaksanaannya maka mestilah perkara ini dirujuk kepada 'urf.*

(Al-Mughni, 1997)

Setelah menerangkan bahawa ijab dan qabul tidak wajib, Ibnu Qudamah menyatakan hujahnya dalam bentuk *ta'lil* berikut:

*Ini kerana jual beli adalah amalan yang bersifat umum al-balwa, jika disyaratkan ijab dan kabul sudah tentu hukum-Nya tidak kabur dan mewajibkan ijab dan kabul akan membawa kepada berkembangnya harta yang fasid dan memakan harta dengan tidak benar.*

(Al-Mughni, 1997)

### **Mengambil Kira Kepentingan *Hifz Al-Din***

Ketika mengupas berkaitan siapakah yang perlu didahulukan untuk ditebus sekiranya ada pihak tentera Islam yang menjadi tebusan musuh. Ibnu Qudamah berpandangan perlu didahulukan menebus tawanan Muslim berbanding dengan tawanan kafir *zimmi* kerana keadaan mereka yang berada di dalam tawanan akan membahayakan status agama mereka sementara keadaan itu tidak terdapat bagi seorang kafir *zimmi*. Jelas sekali Ibnu Qudamah mendirikan hukum perlu didahulukan Muslim berdasarkan *ta'lil* beliau terhadap perlunya penjagaan agama dan tindakan pembebasan tawanan Muslim membawa kepada terpeliharanya agama mereka.

Penjagaan agama ini juga diistilahkan oleh Ibnu Qudamah dalam bentuk jihad. Ini kerana jihad dalam Islam adalah bertujuan untuk menjaga kesucian agama dari dikuasai oleh pihak musuh. Ketika membincangkan hukum menyerang sekumpulan wanita atau kanak-kanak musuh yang dijadikan benteng oleh pihak musuh sendiri, Ibnu Qudamah berpandangan hukumnya harus. 'Ilah yang disandarkan oleh beliau ialah kepentingan jihad umat Islam akan terhalang bahkan terhenti jika sekiranya umat Islam tidak melakukan serangan terhadap kumpulan tersebut. Ini kerana pihak musuh boleh berbuat demikian pada bila-bila masa sedangkan kesannya menghentikan jihad.

### **Mengambil Kira Kepentingan *Hifz Al-Nafs***

Salah satu perkara penting yang digunakan oleh Ibnu Qudamah dalam menta'*lil* hukum ialah mengambil kira *maqasid hifz al-nafs*. Sewaktu mengupas hadis Nabi SAW:

## وفي الأنف إذا أوعب جدعه الدية

Maksudnya:

*Kecederaan pada hidung jika parah diat yang berat.*

(Sunan al-Nasai'e, Kitab al-al-Qasamah, Mas'alah, No.4853)

Ibnu Qudamah menyatakan pensyariatian *diat* ini dikenakan kerana anggota itu merupakan sebab adanya kecantikan dan manfaat di mana badan tidak memilikinya kecuali itu sahaja. Begitu juga dengan jenayah yang dilakukan terhadap anggota hidung Ibnu Qudamah juga mengatakan *diat* dikenakan kerana badan tidak memiliki kecuali satu hidung sahaja dan kerana memotong hidung akan menghilangkan kecantikan serta manfaatnya lalu ia menyerupai jenayah terhadap tangan.

Seterusnya Ibnu Qudamah secara tegas memberi alasan atau *ta'lil* terhadap hukum menanggukkan hukuman hudud kepada perempuan yang sedang hamil sehingga dia melahirkan kandungannya. Ibnu Qudamah berkomentar:

*Kerana melaksanakan hukuman hudud dalam keadaan wanita sedang hamil akan mengancam nyawa yang ma'sum dan ia adalah terlarang.*

Tambah beliau lagi: *Pukulan kepada pesalah atau memotong mana-mana anggotanya tidak dapat menjamin keselamatan bayi dan mungkin akan membawa kemudaratan, kematian pesalah juga dengan sendirinya akan membawa kematian kepada janin.*

(Al-Mughni, 1997)

Jelas sekali, Ibnu Qudamah telah menjadikan *hifz al-nafs* sebagai sandaran dalam menta'*lil* hukum-hukum yang disebutkan tadi seterusnya membina hukum berdasarkan *ta'lil* yang disandarkan kepada *hifz al-nafs* itu. Selain daripada kupasan yang telah dinyatakan dalam membincangkan persoalan itu tadi, Ibnu Qudamah juga berpendirian tidak boleh melakukan hukuman hudud ketika cuaca sangat panas atau sangat sejuk demi mengelakkan berlakunya kematian terhadap pesalah. Ini kerana hukuman memotong tangan atau sebatan bukan bertujuan untuk menghilangkan nyawa tetapi dikenakan sebagai satu pengajaran, beliau berkomentar:

*Dan tidak dipotong tangan ketika cuaca panas dan sejuk yang berlebihan kerana keadaan ini boleh membawa kepada kematian sedangkan tujuan hukuman adalah untuk memberi pengajaran bukan untuk membunuh pesalah.*

Kata beliau lagi: *Dan tidak dilaksanakan hukuman potong tangan kepada pesalah yang sakit supaya tidak memudaratkan nyawanya.*

(Al-Mughni, 1997)

### **Mengambil Kira Kepentingan *Hifz Al-'Aql***

Ibnu Qudamah juga mengambil kira persoalan *hifz al-'aql* sebagai salah satu daripada kaedah *ta'lil* beliau. Ini kerana *hifz al-'aql* adalah salah satu daripada *maqasid* syariah yang terpenting bahkan terutama sewaktu mengupas orang yang mabuk dan melakukan jenayah ketika dalam keadaan mabuk, beliau berkata:

*Terdapat dua kemungkinan bagi hukum ini, yang pertama mereka dihukum kerana mereka melakukan jenayah dalam keadaan mabuk, kemungkinan kedua adalah mereka tidak dihukum kerana berada dalam keadaan tidak sedarkan diri dan pandangan pertama lebih tepat kerana dengan pengguguran hukuman mereka akan membawa kepada galakan kepada sesiapa yang ingin melakukan jenayah untuk meminum arak supaya berada dalam keadaan mabuk terlebih dahulu kerana mereka tidak akan dihukum, dan kerana mabuk adalah mazonnah bagi melakukan perkara-perkara haram, melakukan perkara haram dalam keadaan mabuk akan membawa kepada melakukannya dalam keadaan sedar.*

(Al-Mughni, 1997)

### **Mengambil Kira Kepentingan *Hifz Al-Nasab***

Ibnu Qudamah dengan jelas menjadikan *hifz al-nasab* sebagai salah satu daripada pertimbangan beliau dalam melakukan *ta'lil* hukum, hal ini jelas dapat dilihat ketika beliau melakukan *ta'lil* mengenai hukum wanita ber'*iddah* daripada perkahwinan yang tidak sah. Kata beliau pada zahir mazhab hukumnya adalah haram terhadap lelaki yang menyetubuhi wanita itu dan kepada orang lain. Kemudian Ibnu Qudamah berkata:

*Hukum yang lebih tepat adalah halal mengahwininya bagi lelaki yang menyetubuhi wanita tersebut kerana 'iddah adalah bertujuan untuk menjaga keturunan. Dalam keadaan ini nasab berlaku maka tidak dihalang benihnya yang terhormat dan tidak terhalang nasabnya terhadap lelaki tersebut. Dan bagi sesiapa yang tidak membawa nasab anak tersebut tidak halal baginya berkahwin, ini kerana perkahwinan itu akan membawa kepada kekeliruan nasab.*

(Al-Mughni, 1997)

### **Mengambil Kira Kepentingan *Hifz Al-'Ird***

*Hifz al-'ird* bermaksud penjagaan kehormatan, sebahagian ulama menambah *maqasid* syariah selain daripada menjaga keturunan kepada menjaga kehormatan. Ibnu Qudamah telah menyebut penjagaan kehormatan dalam beberapa *ta'lil* beliau terhadap hukum-hukum yang dibincangkan, antaranya ketika beliau membincangkan hukuman sebat kepada pesalah wanita di mana beliau berpandangan pesalah itu mestilah dipukul dalam keadaan duduk. Kata Ibnu Qudamah:



*Ini kerana wanita adalah aurat dan memukul wanita dalam keadaan duduk adalah lebih terjamin untuk menutup aurat mereka dan diikat pakaian mereka supaya tidak terbuka aurat mereka ketika dipukul.*

(Al-Mughni, 1997)

### **Mengambil Kira Kepentingan *Hifz Al-Mal***

*Hifz al-mal* adalah sebahagian daripada *maqasid* syariah yang utama, asas ini dengan jelas telah disebut oleh al-Quran dan hadis, Ibnu Qudamah telah menggunakan *hifz al-mal* sebagai satu asas penting dalam *Ta'lim Ahkam*. Ketika menjelaskan hukum menggunakan barang yang digadaikan, Ibnu Qudamah berkata:

*Tujuan al-rahnu ialah sebagai jaminan kepada hutang, ia juga dapat digunakan sebagai bayaran kepada hutang ketika pemiutang gagal menjelaskan hutang pada masa yang telah dijanjikan, keadaan ini tidak bertentangan dengan menggunakan barang gadaian itu juga tidak bertentangan aktiviti memberi sewa ataupun meminjamkan barang itu kepada orang lain, maka ianya adalah harus. Selain itu, melarang daripada menggunakan barang gadaian akan mensia-siakan harta sedangkan mensia-siakan harta adalah perbuatan yang dilarang oleh Rasulullah SAW.*

(Al-Mughni, 1997)

Jelas sekali Ibnu Qudamah telah menjadikan *hifz al-mal* sebagai sokongan dalam memilih hukum keharusan menggunakan barang yang digadai. Penggunaan *ta'lim* dalam *hifz al-mal* telah membuatkan Ibnu Qudamah berpandangan harus untuk mengambil haiwan yang telah ditinggalkan oleh tuannya di tempat yang boleh memusnahkan haiwan tersebut. Ibnu Qudamah menyatakan tindakan memberi pemilikan kepada orang yang mengambilnya akan membawa kepada menghidupkan haiwan itu dan menyelamatkannya daripada binasa, dengan itu terjagalah harta daripada musnah selain membawa kepada terjaganya hak haiwan tersebut. Beliau juga mengkritik pandangan pihak yang mengatakan tidak boleh mengambil haiwan tersebut, kata beliau:

*Tindakan itu akan membawa kepada memusnahkan harta tanpa kemaslahatan yang jelas.*

(Al-Mughni, 1997)

### **Mengambil Kira Kepentingan *Sadd Al-Zara'ie***

Ibnu Qudamah mengambil kira kepentingan *saddu al-zara'ie* dalam melaksanakan *Ta'lim Ahkam*. Beliau banyak sekali meletakkan perubahan hukum yang berlaku mengikut kepentingan ini. Antara pandangan yang diasaskan berdasarkan *saddu al-zara'ie* adalah ketika beliau membincangkan persoalan bilangan *bughah*. Ibnu Qudamah mengambil pandangan yang mengatakan bilangan pemberontak yang sedikit tidak dinamakan *bughah*. Pandangan ini disandarkan kepada penjagaan harta awam kerana *bughah* tidak menanggung kerugian harta awam yang dirosakkan.



Alasan Ibnu Qudamah adalah jika pemberontak dalam jumlah yang kecil dianggap *bughah* akan membawa kepada berlakunya kemusnahan terhadap harta (*Al-Mughni*, Jilid 8, ms 84).

Pendirian ini juga dapat dilihat dengan jelas ketika Ibnu Qudamah menyelesaikan hukum mengambil manfaat daripada harta *luqatah*. Pandangan ini diasaskan kepada keadaan yang membuatkan orang yang menemukan harta *luqatah* akan berada dalam tanggungjawab menjaga harta tersebut. Kewajipan melakukan penghebahan tentang harta itu akan membawa kerosakan terhadap harta tersebut. Oleh itu, dia dibenarkan menggunakan harta *luqatah* dan diwajibkan membayar harga harta itu ketika menemukan tuannya. Pandangan ini dipilih oleh Ibnu Qudamah bagi mengelakkan berlakunya kerosakan kepada harta yang sepatutnya boleh dimanfaatkan (*Al-Mughni*, Jilid 5, ms 214).

### **Membuat Pertimbangan yang *Aula* dan *Rajih***

Ibnu Qudamah ketika menganalisis permasalahan hukum, beliau seringkali membandingkan antara kemaslahatan yang terdapat dalam dua situasi yang bertentangan. Beliau meskipun mendapati sesuatu pandangan itu disandarkan kepada '*illah*' tertentu yang diterima, namun seringkali menolaknya jika terdapat '*illah*' lain yang lebih kukuh. Antara contoh yang dapat diambil adalah ketika Ibnu Qudamah membincangkan hukum *syuf'ah* terhadap orang kafir. Ramai dalam kalangan ulama yang berpandangan bahawa *syuf'ah* adalah sama terhadap Muslim ataupun orang kafir. Mereka berpandangan demikian kerana menganggap hukum *syuf'ah* adalah untuk mengelakkan berlakunya kemudaratan terhadap jiran dalam pembelian hartanah. Namun demikian, '*illah*' ini telah dilihat oleh Ibnu Qudamah sebagai lemah kerana pada pandangan beliau *syuf'ah* adalah untuk Muslim sahaja bukan terhadap orang kafir. *Ta'lil* yang digunakan oleh beliau ialah mengelakkan berlakunya kemudaratan terhadap Muslim adalah lebih utama berbanding orang kafir. Kedudukan Muslim juga adalah lebih tinggi berbanding kafir *zimmi*, oleh itu Muslim adalah lebih diutamakan (*Al-Mughni*, Jilid 5, ms 234).

Antara contoh lain dalam menggunakan *ta'lil* yang lebih *aula* dan *rajih* ialah ketika membincangkan persoalan pemberian kepada anak-anak. Beliau menjelaskan pendirian sebahagian ulama yang menganggap pemberian yang sama rata adalah lebih baik kerana berdasarkan kepada '*illah*' ianya akan menjamin kerukunan dan persaudaraan. Ibnu Qudamah melihat bahawa '*illah*' lain lebih kukuh dan lebih *rajih* iaitu anak-anak lelaki perlu dilebihkan berbanding anak-anak perempuan kerana anak-anak lelaki memiliki tanggungjawab nafkah apabila mereka berkeluarga. (*Al-Mughni*, Jilid 5, ms 297)

### **Mentarjih antara Dua Masalah**

Antara metode yang digunakan oleh Ibnu Qudamah dalam *ta'lil* hukum adalah *mentarjih* antara dua masalah yang berbeza. Keadaan ini dapat dilihat apabila Ibnu Qudamah membincangkan hukum memberi bayaran harta kepada pihak musuh

untuk mengelakkan kemudaratannya. Beliau terlebih dahulu membawa pandangan beberapa orang ulama yang tidak mengharuskan perbuatan itu berdasarkan kepada 'illah ianya membawa kehinaan kepada kaum Muslimin serta menzahirkan kelemahan mereka. Beliau mengandaikan pandangan ini diberikan akibat merujuk kepada situasi biasa, iaitu tidak berlaku kemudaratannya yang besar sekiranya langkah tersebut tidak dilakukan. Adapun sekiranya keperluan mendesak wujud dan kemudaratannya yang besar akan menimpa umat Islam jika tidak melakukannya, maka ketika itu kemaslahatan yang lebih besar ialah memberikan harta *hudnah* adalah lebih membawa kemaslahatan (*Al-Mughni*, Jilid 8, ms 317).

### **Menta'il dengan Pahala di Akhirat**

Ibnu Qudamah menjadikan penghasilan pahala di akhirat sebagai satu 'illah dalam hukum syarak. Beliau *menta'il* hukum *qard* dengan membawa hadis-hadis yang menganjurkan perlakuan *qard* dan pahala yang diperoleh oleh orang yang memberi pinjaman. Antara hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah:

رَأَيْتُ لَيْلَةَ أُسْرِي بِي عَلَى بَابِ الْجَنَّةِ مَكْتُوبًا الصَّدَقَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا وَالْقَرْضُ بِثَمَانِيَةِ عَشْرٍ

Maksudnya:

*Aku melihat pada malam Israk dan Mikraj tertulis pada pintu syurga pahala sedekah sepuluh kali ganda dan pahala memberi pinjam lapan belas kali ganda.*

(Ibnu Majah, Kitab: al-Sadaqat, Bab:al-Qard, No.2424)

Setelah meriwayatkan hadis ini, Ibnu Qudamah menegaskan hukum *qard* dengan berkata:

*Kerana ianya mengembirakan saudara seislam melaksanakan hajat mereka, dan membantu mereka. Oleh itu, hukumnya adalah sunat seperti sedekah.*

(*Al-Mughni*, 1997)

### **Mengharmonikan Dua Kemaslahatan dari Dua Pihak yang Berbeza**

Ibnu Qudamah juga mencuba untuk mengharmonikan antara kemaslahatan pihak yang bertentangan kepentingannya. Hukum yang dipilih oleh beliau adalah berdasarkan kepada 'illah yang sesuai bagi kedua-dua pihak tersebut. Contohnya, pandangan Ibnu Qudamah berkaitan hukum melakukan *khitan* terhadap hamba yang sedang digadaikan. Beliau berkomentar:

*Sekiranya seseorang hamba memerlukan khitan sedangkan waktu gadaian akan tamat sebelum sembuh, maka ianya adalah dilarang kerana keadaan ini akan mengurangkan harga hamba tersebut. Sekiranya dia dapat sembuh sebelum daripada tamat gadaian, maka dia boleh berbuat demikian kerana ia adalah kewajipan yang mesti dilakukan dan dapat*



menambah nilai hamba tersebut serta tidak memberi kemudahan sama ada kepada rahin atau murtahin.

(Al-Mughni, 1997)

### **Menolak Pandangan Orang Lain Berdasarkan Ta'lil yang Datang dari Dirinya**

Sebagai seorang ulama yang mencapai tahap ijtihad, Ibnu Qudamah seringkali menolak pandangan orang lain dan berpegang dengan pandangannya sendiri. Tindakan ini berdasarkan kepada 'illah yang dirasakan oleh beliau lebih kukuh berbanding sesuatu yang diberikan oleh ulama lain. Ketika membincangkan hukum pembinaan rumah untuk anak yatim melakukan pelaburan, ulama mazhab Syafi'i berpandangan bahawa tidak boleh mendirikan rumah daripada simen atau daripada bata kerana jika mengalami kerosakan ianya tidak boleh dibaiki. Ibnu Qudamah menolak pandangan ini berdasarkan 'illah diharuskan melaburkan harta anak yatim adalah untuk membawa manfaat kepada mereka. Melarang perbuatan tersebut akan menyebabkan kemaslahatan anak yatim terabai. Oleh itu, beliau menolak 'illah yang diberikan oleh ulama' mazhab Syafi'i dan berpegang dengan 'illah daripada beliau sendiri (Al-Mughni, Jilid 4, ms 172).

### **KESIMPULAN**

Ta'lil Ahkam adalah asas penting dalam aktiviti ijtihad, memahami metode Ibnu Qudamah dalam Ta'lil Ahkam memberikan gambaran lebih jelas tentang ruang lingkup ijtihad *maqasidi* dan bagaimana para ulamak menyelesaikan sesuatu permasalahan. Pengetahuan seperti ini akan membangunkan daya atau *malakah* ijtihad yang seharusnya dibangunkan dalam budaya akademi masakini. Penguasaan terhadap Ta'lil Ahkam akan memberikan kesan positif yang akhirnya memberikan kekuatan kepada sarjana untuk menyelesaikan permasalahan semasa yang mencabar.

### **RUJUKAN**

- Ibn Rajb, Abd. Rahman bin Ahmad (2005). *Zail al-Tabaqat al-Hanabilah*, Makkah: Maktabah Um al-Qura.
- Al-Zahabi, Muhammad bin Ahmad (1996), *Siar A'lam al-Nubala'*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibn Abi Ya'la, Muhammad bin Muhammad (1932). *Tabaqat al-Hanabilah*. Dimasyq: Maktabah al-Arabiah
- Ibn kathir, Ismail bin Umar (1990). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Dar al-Ma'arif.
- Umar Ridha Kahalah (1985). *Al-Mustadrak 'ala Mu'jam al-Muallafin*. Beirut: Muassasah al-Risalah.





The current issue and full text archive of this journal is available at  
<http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>

Ibn Athir, Ali bin al-Karam (1987). *Al-Kamil fi al-Tarikh*. Beirut: Dar al-Kutb al-Alamiah.

Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad (1997). *Al-Mughni*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.